



**SISTEM ePEROLEHAN  
PEROLEHAN SECARA TENDER / SEBUT HARGA**

**KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA**

**KENYATAAN TAWARAN**

**TARIKH IKLAN : 9 MEI 2024 (KHAMIS)**

Tender adalah dipelawa daripada pembekal-pembekal yang berdaftar dengan **Kementerian Kewangan Malaysia (MOF)** dalam kod bidang **050101** dan **050102** untuk mengambil bahagian di dalam tender berikut:-

BIL.	BUTIR-BUTIR TAWARAN	JADUAL T/P&P	TARIKH/MASA/TEMPAT TAKLIMAT/LAWATAN TAPAK (Kehadiran Taklimat/Lawatan Tapak DIWAJIBKAN)	KAEDAH PEROLEHAN
1.	Tender Membekal, Menghantar, Memasang, Menguji Dan Mentauliah Peralatan Perubatan ( <i>Portable Ventilator</i> ) Untuk Kegunaan Pusat Jantung, Hospital Sultan Idris Shah, Serdang Selangor  <b>No. Tender : QT24000000011267</b>	64/2024	Tarikh : 15 Mei 2024 (Rabu) Masa : 9.00 pagi Tempat : Bilik Mesyuarat (Al-Haitham) Aras 1, Program Perubatan Blok E1, Kementerian Kesihatan Malaysia	Secara ePerolehan

\* PERHATIAN: SILA RUJUK DOKUMEN TAWARAN - SYARAT-SYARAT, ARAHAN DAN PENJELASAN BERHUBUNG DENGAN TENDER YANG TERKINI DALAM SISTEM ePEROLEHAN

**Telecenter:**

**Bahagian Perolehan dan Penswastaaan,  
Kementerian Kesihatan Malaysia,  
Aras 7, Blok E7, Kompleks E, Presint 1,  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,  
62590 PUTRAJAYA  
No. Telefon : 03-8883 3022**

Dokumen Tender boleh disemak mulai **9 Mei 2024 (Khamis)** dengan melayari [www.eperolehan.gov.my](http://www.eperolehan.gov.my).

Pembekal yang ingin menyertai tender ini mestilah ePerolehan *enabled*. Sistem ePerolehan mempelawa pembekal secara **Auto Invite** dan hanya pembekal yang mempunyai kod bidang berkenaan sahaja layak menyertai tender tersebut.

Cadangan Teknikal dan Cadangan Kewangan yang lengkap hendaklah dikunci masuk (*key-in*) ke dalam sistem ePerolehan pada atau sebelum **05 Jun 2024 (Rabu), jam 12.00 tengah hari**. Semua dokumen pelawaan, dokumen tawaran dan dokumen sokongan hendaklah dikemukakan secara elektronik dan penyerahan **dokumen secara manual adalah tidak dibenarkan**. Penyerahan secara manual hanya dibenarkan bagi sampel / katalog / risalah sahaja (jika berkenaan). Pihak tuan adalah dimohon untuk mematuhi Pekeliling Perbendaharaan (PP)/Perolehan Kerajaan (PK) 2.2 perenggan 5.7(iii) dan perenggan 15.1(viii) dibaca bersama PP/PK5.1 Lampiran 4 perenggan 9.2 yang memberi maksud untuk **TIDAK memaparkan nama syarikat pada dokumen teknikal**.

Hak Kerajaan untuk mengadakan rundingan tidak dalam apa-apa cara jua mengikat Kerajaan menyetujui terima keputusan rundingan selaras dengan PP/PK 2.2 perenggan 26.

Pelawaan tender ini boleh dipertimbangkan perubahan dan pelanjutan tempoh kontrak tidak melebihi 50% daripada nilai kontrak asal dan/atau maksimum dua (2) tahun tertakluk kepada peraturan semasa yang berkuat kuasa.

Perolehan bagi tender ini tidak tertakluk dengan *Comprehensive and Progressive Agreement for Trans-Pacific Partnership* (CPTPP).

#### **Tawaran yang lewat tidak akan diterima.**

Kementerian Kesihatan Malaysia tidak terikat untuk menerima tawaran yang terendah ataupun sebarang tawaran.

Syarikat/Firma/Koperasi/Pemilikan Tunggal\* hendaklah mengambil perhatian bahawa setiap transaksi bagi kontrak yang melibatkan hanya sekali bayaran (*one-time payment*) melalui sistem ePerolehan akan dikenakan fi perkhidmatan pada kadar sebanyak 0.8% dengan had maksimum RM9,600 bagi transaksi yang bernilai RM1.2 juta atau lebih;

Atau

Setiap transaksi bagi kontrak yang melibatkan beberapa kali pembayaran (*multiple payment*) melalui sistem ePerolehan akan dikenakan fi perkhidmatan sebanyak 0.4% dengan had maksimum RM4,800 bagi pesanan bernilai RM1.2 juta atau lebih.

\*Yang mana berkenaan

**Ketua Setiausaha,  
Kementerian Kesihatan Malaysia**